

04/04/2004

Bahang pemilihan Umno semakin dirasai

Ismail Mat

KETEGANGAN dan debaran pilihan raya umum 2004 sudah menjadi sejarah yang menyaksikan Barisan Nasional (BN) mengulangi kemenangan majoriti lebih dua pertiga apabila meraih 198 daripada 219 kerusi Parlimen di seluruh negara.

Setiap wakil rakyat BN kini mula turun padang menjenguk penduduk kawasan masing-masing sebagai bukti memenuhi janji yang dibuat ketika pilihan raya lalu akan dipenuhi sepenuh hati.

Bahang itu kini beralih kepada peringkat bawah, khususnya peringkat akar umbi Umno apabila masing-masing yang berminat merebut jawatan mula mencari dan meraih sokongan menjelang pemilihan Umno.

Mulai Mei ini, persaingan merebut jawatan kuasa peringkat bahagian Umno akan bermula apabila kira-kira 19,000 cawangan Umno dengan tiga juta ahli di seluruh negara memulakan persidangan dan pemilihan masing-masing.

Persaingan mendapatkan pencalonan 20 peratus untuk ketua bahagian, 15 peratus timbalan ketua dan 10 peratus naib ketua di 191 bahagian diramal tetap berlangsung secara sengit.

Persidangan semua sayap Umno pada peringkat cawangan dijangka berlangsung selama sebulan mulai Mei sebelum disusuli peringkat bahagian selama sebulan mulai pertengahan Jun pula.

Perhimpunan agung Umno kali ini bakal menyaksikan pertandingan untuk semua jawatan dalam Majlis Tertinggi (MT) yang dijangka berlangsung pada Ogos ini kecuali Jawatankuasa Pengurusan Umno dan MT membuat pindaan.

Perlembagaan Umno membenarkan pemilihan ditangguhkan untuk tempoh 18 bulan. Keputusan penangguhan itu sudah dibuat MT Umno pada November 2002 untuk membolehkan seluruh jentera parti ditumpukan kepada pilihan raya 2004.

Berdasarkan keputusan penangguhan itu, pemilihan MT Umno yang sepatutnya diadakan pada Jun 2003 ditangguhkan kepada satu tarikh selepas pilihan raya umum yang berakhir baru-baru ini.

Tindakan menangguhkan pemilihan bukan langkah luar biasa kerana sebelum ini, pemilihan Umno 1999 ditangguhkan kepada tahun 2000 berikutan pilihan raya umum pada November 1999.

Langkah MT meletakkan jawatankuasa peringkat bahagian Umno di seluruh negara pada taraf penaja mulai November tahun lalu, bertujuan mengukuhkan kedudukan Umno menjelang pilihan raya.

Ternyata, tindakan itu membuahkan hasil, apabila BN yang diterajui Umno meraih 63 peratus undi popular, manakala Pas dan Keadilan mengalami kekalahan teruk.

Kemenangan itu juga menjadi bukti pemulihan sokongan orang Melayu kepada Umno selepas kemerosotan teruk kerana pelbagai isu berbangkit di dalam dan luar parti pada 1999.

Pemilihan peringkat bahagian kali ini dijangka berjalan lebih lancar kerana cawangan pastinya memberi sokongan pencalonan mereka kepada pemimpin yang mendapat tempat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) atau Ahli Parlimen ketika pilihan raya baru-baru ini.

Walaupun kedudukan sebagai Adun atau Ahli Parlimen bukan tiket mengisi kedudukan dalam bahagian, namun pemilihan untuk bertanding sebagai wakil BN pada pilihan raya baru-baru satu pengiktirafan pucuk pimpinan parti yang pastinya akan disokong oleh akar umbi.

Namun, persaingan pasti timbul apabila ada Adun atau Ahli Parlimen kini mengintai kedudukan yang lebih tinggi dalam bahagian jika ketua atau timbalan ketua tidak mendapat tempat sebagai calon pada pilihan raya baru-

baru ini.

Mereka yang mempunyai kedudukan sebagai Adun atau Ahli Parlimen tidak sepatutnya ghairah mendapat tempat dalam bahagian dan parti kerana khidmat kepada parti dan negara boleh diberikan tanpa kedudukan itu.

Biar apa pun strategi yang hendak diatur untuk memenangi persaingan, namun pemimpin dalam Umno sama ada di cawangan, bahagian, mahupun yang sedang mengintai peluang di MT, perpaduan parti mesti sentiasa diutamakan.

Dalam suasana perpaduan Umno semakin utuh dan mendapat sokongan rakyat pada semua peringkat, janganlah pula mereka yang diberi kedudukan sebagai pemimpin dalam Umno menyebabkan runtuhannya dari dalam.

Kerakusan dan kegilaan mendapatkan jawatan dalam parti sebenarnya tidak memberi sebarang faedah kepada perjuangan Umno yang murni dan mulia untuk agama, bangsa dan negara.

Sifat tamak haloba itu sebenarnya menunjukkan betapa mereka yang terbabit sanggup mengorbankan parti, bangsa dan negara untuk kepentingan diri sendiri, walaupun mulut menyebut tindakan yang dibuat demi parti.

Ketika ini, pastinya gerai tom yam di kampung atau restoran pekan kecil mula menjadi tumpuan pada waktu malam untuk setiap calon mengatur strategi untuk mendapat sokongan dalam pemilihan.

Malangnya, taktik dan strategi yang dibentuk untuk merencanakan melemahkan parti lawan ketika pilihan raya, kini digunakan untuk kepentingan diri hingga lupa pertandingan sekadar sesama sendiri.

Pertelagahan yang timbul boleh mengundang pelbagai konflik yang merugikan parti seterusnya mengundang perasaan benci dan meluat di kalangan masyarakat yang kini menaruh kepada Umno.

Sejarah Umno sejak penubuhan pada 1946, menyaksikan betapa kemelut dalaman parti yang menjadi punca perpecahan sesama sendiri hingga pernah membawa kepada serpihan dan pengharaman.

Pada 1951, serpihan Umno menubuhkan Pas yang sehingga kini terus menjadi 'duri dalam daging' di kalangan orang Melayu dan umat Islam di negara ini sehingga ada ibu kandung yang sanggup membuang anak sendiri kerana politik.

Selepas Umno diharamkan pada 24 April 1987, tertubuh pula Parti Melayu Semangat 46 diterajui Tengku Razaleigh Hamzah yang kemudian bersekongkol dengan Pas untuk menumbangkan BN di Kelantan pada pilihan raya 1990.

Sejarah membuktikan betapa perpecahan menjejaskan kestabilan dalam Umno sehingga boleh menjejaskan prestasi parti selaku tonggak utama dalam BN ketika pilihan raya.

Pada pilihan raya 1969, Perikatan ditunjangi Umno hanya mampu menang 66 daripada 144 kerusi Parlimen. Situasi Umno yang lemah ketika itu menyebabkan golongan ekstrim Cina bangkit hingga mencetuskan Peristiwa 13 Mei.

Kuasa tawar menawar Umno juga lemah selepas pilihan raya 1999 yang menyaksikan kuasa Melayu (Umno) tercabar apabila Umno hanya memenangi 72 kerusi Parlimen daripada sejumlah 193 kerusi Parlimen.

Walaupun mengikut falsafah demokrasi dan perlembagaan parti, persaingan merebut jawatan adalah hak masing-masing, namun setiap ahli sewajarnya mengutamakan pemimpin yang bermoral tinggi.

Amalan politik wang, budaya pantas mencantas serta sabotaj sepatutnya dihentikan segera demi masa depan perjuangan Umno yang pernah dikatakan mengalami penguncupan pengaruh.

Sesungguhnya, Umno dan Melayu tetap sinonim untuk selamanya. Umno adalah pertubuhan orang Melayu yang mempunyai asas perjuangan kukuh untuk menegak, mempertahankan dan mengembangkan Islam.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata pengajaran yang diperoleh masa lalu sepatutnya menjadikan semua ahli Umno kini semakin matang untuk sentiasa menjaga kepentingan parti.

"Walaupun berlaku pertandingan sesama kita, tapi kita mestilah menjaga agar persaingan yang dihadapi itu tidak sampai 'mencederakan' Umno. Yang penting, kita mesti memastikan Umno sentiasa kuat dan selamat.

"Kita mesti sepakat menjaga Umno supaya sentiasa kuat kerana kekuatan Umno akan menjadikan kerajaan BN yang diterajui Umno terus kuat dan kukuh," katanya.

Beliau berkata, semua pihak yang sayangkan Umno boleh terus menyumbang dan membantu parti walaupun tanpa mempunyai sebarang kedudukan jawatan tertentu.

"Tidak semestinya yang diberi peluang menjadi calon ketika pilihan raya baru-baru ini bertanding, kerana perkhidmatan untuk parti masih boleh dibuat tanpa perlu memegang sebarang jawatan," katanya.

Persaingan sengit dalam parti tidak akan menguntungkan sesiapa apabila yang kalah merasa rugi, yang menang pula belum tentu mendapat keuntungan tetapi yang pasti dendam bersarang manakala perpecahan mula berkembang. Akhirnya Umno yang rugi angkara sabotaj sesama sendiri.

Umno tentunya terus selesa jika menyaksikan pemimpin yang tidak lagi boleh membina kekuatan parti berundur secara terhormat kerana sikap baik itu akan kekal dalam ingatan kerana langkah itu adalah pengorbanan demi kekuatan parti.

Bekas Presiden Umno dan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, sendiri menunjukkan bukti dan contoh terbaik untuk dijadikan pedoman setiap ahli Umno sepanjang zaman.

Walaupun masih boleh terus memimpin, namun beliau memilih untuk menyerahkan kuasa kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi apabila tiba masa yang dijanji demi masa depan parti dan negara yang lebih cemerlang.